



GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN KATERING MAKANAN UNTUK ACARA DI DALAM DEWAN/TEMPAT KEDIAMAN

1. Dokumen ini menyediakan langkah-langkah pembukaan semula premis perniagaan atau pengemaskinian operasi perniagaan termasuk aktiviti-aktiviti yang dibenarkan semasa Fasa Peralihan di dalam Rangka Kerja Pemulihan Kebangsaan COVID-19.
2. Fasa Peralihan akan bermula pada 19 November 2021 dan antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan adalah pembukaan semula tempat kerja dan premis perniagaan secara berperingkat dengan beberapa sekatan untuk mencegah terjadinya kes jangkitan yang teruk, kemasukan ke hospital dan kematian disebabkan oleh penyakit COVID-19.
3. Pendekatan dalam Fasa Peralihan ini akan memastikan pematuhan kepada Langkah-Langkah Kawalan COVID-19, menggalakkan penggunaan *Antigen Rapid Test* (ART) sebagai langkah pengesanan awal jangkitan dan memperkenalkan sekatan berbeza bagi individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.
4. Langkah-langkah kawalan COVID-19 adalah seperti berikut:
 - a) Penggunaan aplikasi BruHealth
 - Mendaftar BruHealth : Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.
 - Daftar Pekerja : Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja didaftarkan di dalam aplikasi BruHealth. Kesemua pekerja adalah dikehendaki untuk mengimbas masuk/keluar apabila mereka tiba/meninggalkan premis kerja.
 - Mengimbas Kod BruHealth : Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi BruHealth mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja / kakitangan / sukarelawan).
 - Warna Kod BruHealth : Pemilik premis perlu memastikan hanya individu yang mempunyai kod BruHealth hijau dan kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan individu hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.



- b) Vaksin Lengkap
 - Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja / kakitangan / sukarelawan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya. Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima **dua dos** vaksin di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan World Health Organisation (WHO) [WHO Emergency Use Listing] atau vaksin yang diluluskan oleh *Brunei Darussalam Medicines Control Authority* (BDMCA). Status vaksinasi dalam BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima dan ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.
 - c) Penjarakan Sosial
 - Mengamalkan langkah-langkah penjarakan sosial dan fizikal menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 meter di antara individu jika boleh.
 - d) Pengudaraan Premis
 - Pemilik premis hendaklah memastikan premis dalaman mempunyai pengudaraan yang mencukupi.
 - e) Protokol Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity*)
 - Menyediakan Pelan Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan* [BCP]) untuk memastikan premis kekal beroperasi seperti melaksanakan *alternate teams* dan garis panduan *contact tracing*.
 - f) Antigen Rapid Test (ART)
 - Melaksanakan ujian ART, bila perlu, mengikut Garis Panduan ART Guidelines yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH).
5. Sebagai peranan bersama, setiap premis perniagaan dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Mana-mana pemilik premis perniagaan yang didapati tidak mematuhi garis panduan pembukaan semula premis dan syarat-syarat yang ditetapkan **boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204** dan premis tersebut **boleh diarahkan untuk tutup dengan serta merta**.
6. Langkah-langkah bagi perkhidmatan katering makanan untuk acara di dalam dewan/tempat kediaman hendaklah merujuk syarat-syarat di bawah Garis Panduan bagi *Mass Gathering* iaitu seperti dibawah ini.



GARIS PANDUAN FASA PERALIHAN BAGI PERKUMPULAN RAMAI

Dokumen ini menyediakan Langkah-langkah di mana perkumpulan ramai dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa fasa Peralihan dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan. Pendekatan kami adalah berdasarkan memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19 dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.

Fasa Peralihan

Boleh bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi.

Kurangkan penyakit serius, kemasukan ke hospital dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19.

Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan:

- Meningkatkan perlindungan vaksinasi termasuk dos vaksin penggalak.
- Fokus laporan harian beralih daripada nombor kes harian kepada purata mingguan dan memberi tumpuan kepada penyakit serius dan kematian.
- Pembukaan semula tempat kerja, perniagaan dan sekolah secara berperingkat dengan kemungkinan sekatan peringkat rendah yang berterusan, diselaraskan untuk mengurangkan kes yang teruk.
- Langkah pengesanan kenalan (*Contact tracing*) dan kuarantin untuk memberi tumpuan kepada pencegahan kluster COVID-19 yang besar.
- Sekatan yang berbeza-beza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.
- Menubuhkan Senarai Hijau Perjalanan dengan mengurangkan sekatan ke atas perjalanan masuk dan keluar untuk individu yang sudah vaksin penuh.



Langkah-langkah Kawalan COVID-19 Pada Fasa Peralihan.

• Penggunaan aplikasi *BruHealth*

- **Mendaftar *BruHealth*:** Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR *Bruhealth*.
- **Mengimbas Kod *BruHealth*:** Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi *Bruhealth* mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja/kakitangan/sukarelawan).
- **Warna Kod *BruHealth*:** Pemilik premis memastikan hanya individu yang mempunyai kod *Bruhealth* Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.

• Memakai Sungkup Muka:

- Semua individu yang berumur 2 tahun atau lebih, hendaklah memakai penutup hidung dan mulut anda di tempat awam tertutup, di dalam pengangkutan awam, dalam persekitaran luar yang sesak, dan untuk aktiviti dengan hubungan rapat dengan orang lain yang tidak diberi vaksin sepenuhnya.
- Sungkup Muka boleh ditanggalkan apabila:
 - Di dalam bilik hotel atau penginapan dengan ahli isi rumah.
 - ruang kerja individu tertutup.
 - Semasa aktiviti lasak semasa Sukan dan aktiviti rekreasi.
 - Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah.
 - Kawasan dan tempat awam dalaman atau luaran tanpa mana-mana individu lain.
 - Apabila makan dan minum di tempat awam tanpa mana-mana individu lain (selain di restoran atau premis makanan).

• Vaksin Lengkap:

- Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja/kakitangan/sukarelawan layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.

• Kebersihan tangan dan etika batuk dan bersin:

- Jika individu berada di tempat awam, atau selepas menghembus hidung, batuk, atau bersin, mereka dinasihatkan untuk kerap mencuci tangan dengan sabun dan air, tetapi jika tidak tersedia, gunakan pembersih tangan yang mengandungi



sekurang-kurangnya 60% alkohol. Tutup semua permukaan tangan anda dan gosokkannya sehingga ia berasa kering.

- **Penjarakan Sosial:**

- Langkah-langkah menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan: sekurang-kurangnya 1.5 m antara individu jika boleh.

- **Pengudaraan Premis:**

- Pemilik premis dalaman memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi.

- **Pemantauan Kesihatan Diri:**

- Individu dinasihatkan untuk memantau kesihatan setiap hari untuk simptom.

Individu yang divaksin sepenuhnya

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Status vaksinasi dalam buku *BruHealth*, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

Langkah-langkah untuk Perkumpulan Ramai

1. Sekatan Kapasiti

- 50% kapasiti tempat ataupun tidak melebihi 200 individu (jumlah yang lebih rendah diambil) Kapasiti mesti mematuhi langkah-langkah Kawalan COVID-19. Kapasiti mesti termasuk penganjur dan kakitangan.

2. Protokol Keselamatan Perkumpulan Ramai.

- Hanya individu yang bervaksin penuh dibenarkan hadir.
- Langkah-langkah Kawalan COVID-19 hendaklah dipatuhi dengan ketat.



- Hidangan makanan dan minuman dibenarkan tetapi dalam bentuk makanan pek dan amat disyorkan untuk tidak dimakan di tempat perkumpulan/ premis.
- Penghidangan makanan secara *buffet* tidak dibenarkan.

3. Pembersihan Tempat perhimpunan.

- Tempat perhimpunan mesti melantik kakitangan untuk melaksanakan pembersihan dan pengemasan yang lebih kerap setiap hari. Gunakan cecair disinfeksi secara kerap kepada kawasan yang kerap disentuh seperti pegangan tangan, permukaan lif dan butang, tombol/pemegang pintu, kotak surat, papan kenyataan, paparan digital, panel skrin sentuh serta meja dan kerusi di kawasan umum.
- Sediakan cecair disinfeksi tangan di tempat orang kerap berlalu lintas.
- Pastikan tong sampah ditutup pada setiap masa dan dibersihkan setiap hari. Ikut sampah yang terkandung dalam beg plastik dengan betul sebelum dibuang di pusat tong.
- Bersihkan segera sebarang tumpahan sampah.
- Basuh dan nyah kuman semua tong sampah, ruang tong dan pusat tong sampah jika perlu.
- Libatkan kontraktor pembuangan sampah berlesen untuk pembuangan sampah setiap hari.
- Pastikan ventilasi yang mencukupi di dalam tandas atau gunakan pembersih udara, jika boleh.
- Untuk mendisinfeksi kawasan, Kakitangan pembersihan boleh:
 - Rendam kain pembersih dalam peluntur isi rumah pada kepekatan yang betul mengikut arahan pembekal dan basuh kain selepas digunakan atau sebelum digunakan semula.
 - Bersihkan dan mendisinfek semua peralatan pembersihan serta-merta selepas digunakan.